



NST 1.3.2018 1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melahirkan lebih 66,000 graduan pelbagai peringkat pengajian dan bidang sejak penubuhannya pada 24 Nov 1994, kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (gambar).

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 56,187 orang merupakan graduan peringkat Sarjana Muda, Sarjana (4,412), Doktor Falsafah (302) dan selebihnya merupakan diploma.

Katanya daripada jumlah graduan atau alumni universiti, yang kini mempunyai 18,255 pelajar itu, seramai, 28,432 orang adalah graduan anak kelahiran Sabah.

“Sebagai universiti awam (di bawah konsep) komprehensif, sekarang kita sudah ada 10 fakulti iaitu fakulti sains dan bukan sains. Antaranya adalah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perakaunan dan Ekonomi, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Kemanusiaan dan Warisan dan Fakulti Pertanian Lestari.

UMS sudah lahirkan lebih 66,000 graduan

Sejak ianya ditubuhkan pada 1994: Naib Canselor

“Fakulti lain ialah Fakulti Sains dan Sumber Alam, Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan Fakulti Komputer dan Informatik,” katanya kepada Bernama di sini.

Menurut Dr D Kamarudin selain memiliki 10 fakulti, universiti yang menawarkan 64 bidang pengajian dari peringkat diploma hingga Doktor Falsafah (PhD) itu, juga mempunyai tiga institut penyelidikan iaitu Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Institut Penyelidikan Marin Borneo dan Institut Penyelidikan Bioteknologi.

Katanya, berlainan dengan universiti berkonsepkan tekonologi dan teknikal, UMS sebagai sebuah universiti berkonsep komprehensif, 70 peratus daripada sumbernya digunakan untuk melaksanakan program-program di peringkat Sarjana Muda manakala selebihnya untuk ijazah lanjutan.

“Rasional kita (tumpukan 70 peratus sumber kepada program Sarjana Muda) ialah untuk memberi peluang atau akses Sarjana Muda kepada lebih ramai pelajar, terutamanya pelajar tempatan. Bagaimanapun, kita mempunyai bidang istimewa. Maknanya beberapa perkara yang kita rasakan sesuai untuk dilaksanakan terutama sebagai sebuah unversiti awam di

Sabah,” katanya.

Menurut Dr D Kamarudin bidang istimewa UMS ialah sains marin, sains biodiversiti dan bidang pertanian, sesuai dengan saranan dan dorongan bukan sahaja Kementerian Pengajian Tinggi tetapi juga daripada kerajaan negeri Sabah sendiri, katanya.

“Alumni atau graduan UMS memang sudah memberi impak yang besar kepada pembangunan negara dan Sabah khususnya. Pertama, kalau kita lihat dari segi jumlah (graduan) sahaja ia sudah lebih 66,000 dan dari Sabah sahaja seramai 28,432 orang. Jadi impak daripada jumlah itu memang sudah ketara. Alumni UMS kini berkhidmat dalam pelbagai sektor termasuk sektor awam, swasta dan ada juga yang menjalankan perniagaan sendiri,” katanya.

Mengenai kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti berkenaan, Dr D Kamarudin berkata setakat ini jumlah pelajar antarabangsa di UMS ialah 686 orang dari 28 buah negara.

“Setakat ini, kami telah melahirkan 952 orang graduan pelajar antarabangsa sejak penubuhan UMS ini. Bilangan pelajar antarabangsa semakin bertambah dengan pelbagai program yang kami tawarkan termasuk program mobiliti antarabangsa dan juga perse-

diaan bahasa Inggeris,” katanya.

Menurut Dr D Kamarudin, cabaran yang dihadapi UMS untuk menerima kemasukan lebih ramai pelajar antarabangsa ialah penyediaan kemudahan seperti penginapan yang sesuai dengan cita rasa mereka.

“Kami sekarang ini dalam proses mencari jalan untuk membangunkan kemudahan bagi memenuhi cita rasa pelajar antarabangsa dan mungkin juga pelajar tempatan yang mampu membayar lebih terhadap kos...sekarang ini universiti tidak boleh bergantung kepada kerajaan sahaja tetapi perlu mencari peluang lain untuk menjana duit sendiri atau (menarik) pelaburan dari pihak luar,” katanya.

Mengenai pencapaian UMS, Dr D Kamarudin berkata walaupun universiti itu belum menduduki antara ranking teratas di kalangan universiti di negara ini namun dalam bidang tertentu ia berjaya menempatkan dirinya pada kedudukan yang membanggakan.

Sebagai contoh, katanya, pada tahun lalu, UMS walaupun berada pada kedudukan ranking ke-222 universiti di Asia namun bagi subjek pertanian dan perhutanan, universiti itu berada pada kedudukan 200-teratas ranking dunia.